



جباتن فٹايران دان ساليان،
دائره كينتا/باتنغ فادغ.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN,
DAERAH KINTA/BATANG PADANG,
31650 IPOH.

Telefon: 05-2545152, 05-2422639 Faks: 05-2531767



Ruj. Kami: Bil.(2) JPS.K/BP.200-C4/614 Jld 2
Tarikh : 9 Oktober 2024

Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak
Tingkat 4&5, Bangunan Seri Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh
Perak Darul Ridzuan

Tuan,

**ULASAN PERMOHONAN TEKNIKAL PROJEK OF NGDS TO KINTA VALLEY FL
DL STAGE 1/24, BEMBAN INDUSTRIAL ESTATE & CHEMOR, PERAK DARUL
RIDZUAN.(WEI DAT STEEL WIRE SDN BHD-EXPANSION & BNH
MANUFACTURER SDN BHD (PLAN T2)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat permohonan ulasan daripada pejabat tuan berkenaan permohonan untuk menjalankan kerja pemasangan utiliti bagi Kerja Korekgali bagi Tujuan Meningkatkan Kapasiti Bekalan Gas ke Kilang Wei Dat Steel Wire Sdn Bhd di Lorong Bemban 2, Batu Gajah Perak bertarikh 20 Ogos 2024 adalah berkaitan.

2. Pejabat ini mengambil maklum terhadap permohonan tersebut dan hasil semakan mendapati lokasi yang dipohon berada berhampiran **Sungai Sayak**. Berikut merupakan ulasan pejabat ini berhubung perkara diatas.

- I. Pemohon perlulah memastikan **pembinaan saluran paip hendaklah 2.5 meter dalam dari aras dasar Sungai Sayak. (Sila rujuk rajah 3.9) Takat mula dan akhir paip tersebut perlu ditandakan menunjukkan kedalaman paip tersebut.**
- II. Kedalaman saluran paip utiliti yang ditanam di dalam rizab sepanjang tebing sungai mestilah **tidak mengganggu kerja-kerja penyelenggaraan dan mampu menanggung berat peralatan dan jentera yang digunakan.**
- III. Pemohon hendaklah memastikan **tiada struktur-struktur** seperti bangunan, kolam tadahan, jalan ladang dan lain-lain berhampiran kawasan permohonan bagi mengelakkan kesan keretakan atau hakisan daripada aktiviti berkenaan serta memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan.
- IV. Sekiranya jajaran paip utiliti yang akan dipasang pada struktur yang dibina oleh JPS hendaklah dipastikan tidak akan mengujudkan kesan sampingan seperti seperti hakisan tanah, lumpur (siltation) dan ombak (vibration).
- V. Pemohon perlu memastikan permohonan tersebut mematuhi syarat-syarat yang telah digariskan dalam **Garis Panduan Pembangunan Melibatkan Sungai dan Rizab Sungai**, tahun 2011 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta mana-mana garis panduan yang sedang berkuatkuasa.

(SILA CATATKAN RUJUKAN PEJABAT INI APABILA MENJAWAB)